

**TATACARA PENGISIAN DOKUMEN PEMBAYARAN FI BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI
PENGAMAL BERDAFTAR, PERMOHONAN PERAKUAN PENGAMALAN PENGAMAL BERDAFTAR DAN
PERMOHONAN PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA**

1. Semua dokumen pembayaran fi sama ada dalam bentuk Cek/Wang Pos/Kiriman Wang Pos/Draf Bank hendaklah dibuat atas nama:

PENGARAH BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

(Terjemahan kepada Bahasa Inggeris adalah tidak dibenarkan)

2. Sila pastikan nama dan nombor dokumen pengenalan diri (No. MyKad/Pasport) tuan/puan ditulis di bahagian belakang Cek/Wang Pos/Kiriman Wang Pos/Draf Bank tersebut.
3. Pembayaran secara tunai, pindahan elektronik atau serahan tangan dokumen pembayaran tidak akan diterima sehingga suatu masa yang akan diumumkan kemudian.
4. Sila pastikan **TIADA KESALAHAN PENULISAN** pada dokumen pembayaran fi yang dikemukakan.
5. **KESALAHAN LAZIM** adalah seperti berikut:
 - (i) Kesalahan ejaan
- contoh kesalahan: **Komplementari** dieja Komplimantari
 - (ii) Percampuran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
- contoh kesalahan: Perubatan **Tradisional** dieja Perubatan Traditional
 - (iii) Penggunaan simbol atau apa jua singkatan
- contoh kesalahan: perkataan '**dan**' digantikan dengan simbol '&'
- contoh kesalahan: perkataan '**Bahagian**' disingkatkan kepada 'Bhgn.'
 - (iv) Khusus bagi pembayaran menggunakan Cek:
- bahasa yang digunakan pada ruangan 'Ringgit Malaysia' adalah **SELAIN** daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris (contoh kesalahan : menggunakan karakter Mandarin)
- mata wang yang ditulis pada ruangan 'Ringgit Malaysia' adalah mata wang **NEGARA ASING** (contoh kesalahan: *One Hundred Dollar Only*)
 - (v) Khusus bagi pembayaran menggunakan Wang Pos:
- **TIADA** cop rasmi cawangan pejabat pos yang berkaitan pada wang pos yang dikemukakan
- ruangan tandatangan penerima dan maklumat nombor kad pengenalan pada muka hadapan wang pos **SEHARUSNYA DIKOSONGKAN** namun telah diisi oleh pemohon
 - (vi) Pertindihan tulisan
 - (vii) Tulisan sukar dibaca atau mengelirukan
 - (viii) Tempoh sah laku dokumen pembayaran telah tamat
6. Kesalahan pada penulisan tidak boleh diparap atau dihapus dengan apa jua cara termasuk menggunakan cairan pemadam. Oleh itu, pemohon perlu mengemukakan dokumen pembayaran fi baharu sekiranya terdapat kesalahan pada dokumen pembayaran fi tersebut.
7. Sekiranya pihak kami mendapati terdapat kesalahan penulisan pada Cek/Wang Pos/Kiriman Wang Pos/Draf Bank yang dikemukakan tuan/puan, proses permohonan tuan/puan akan tergendala sehingga dokumen pembayaran fi yang baharu dikemukakan semula.